

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[SEKIJANG]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [ SEKIJANG ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik terkini pusat perjudian, kelab malam dan pusat urut yang berlesen di seluruh negara dan apakah usaha Kementerian dalam memastikan pematuhan operasi pusat-pusat ini agar lesen yang diberikan tidak disalah guna bagi tujuan jenayah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2021 terdapat 809 buah pusat perjudian, 2,678 buah kelab malam dan 3,114 buah pusat urut dan spa yang berlesen di seluruh negara.

Kelulusan lesen/ permit Operator Perjudian sesebuah Pusat Perjudian adalah tertakluk kepada Akta Rumah Judi Terbuka 1953 [Akta 289], Akta Pertaruhan 1953 [Akta 495], Akta Pertaruhan Pool 1967 [Akta 384] dan Akta Loteri 1952 [Akta 288] yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hanya mengeluarkan lesen premis perniagaan di bawah Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian selepas permohonan lesen judi, lesen kelab malam serta aktiviti hiburan mendapat kelulusan lesen / permit operasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, antara langkah penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh PBT terhadap pusat-pusat perjudian, kelab malam dan rumah urut adalah seperti berikut:

- (a) PBT bekerjasama dengan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) dalam menjalankan penguatkuasaan secara bersepadu. Sebagai contoh, operasi bersepadu antara PDRM dan PBT yang dikenali sebagai Ops Dadu bagi membanteras judi haram, Ops Noda Khas ke atas pusat-pusat hiburan yang menjual minuman beralkohol serta Ops Gegar dan Ops Noda ke atas rumah urut yang beroperasi secara haram; dan
- (b) melaksanakan tindakan penguatkuasaan melibatkan risikan, serbuan, tangkapan di premis dan pendakwaan.

Sekian, terima kasih.